

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah aset milik Tabung Haji dan nilainya yang telah dipindahkan kepada Urusharta Jemaah Sdn Bhd (UJSB) dan berapa yang dijual semula atas dakwaan Tabung Haji mengalami defisit aset berbanding liabiliti di bawah program penstrukturkan semula aset TH.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Selaras dengan kelulusan Jemaah Menteri pada 7 Disember 2018 dan Parlimen pada 10 Disember 2018 berhubung Pelan Pemulihan Dan Penstrukturkan Semula Lembaga Tabung Haji (TH), aset-aset TH yang tidak berdaya saing telah dipindahkan kepada Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB) pada 27 Disember 2018. Pada masa ini, kesemua aset yang telah dipindahkan adalah dimiliki sepenuhnya oleh UJSB dan bukan lagi dimiliki oleh TH.

2. Aset-aset TH yang telah dipindahkan kepada UJSB terdiri daripada saham tersenarai (106 ekuiti syarikat tersenarai di Bursa Malaysia termasuk saham keutamaan, waran dan stok pinjaman), saham tidak

tersenarai (1 syarikat perladangan kelapa sawit) dan 29 harta tanah (terutamanya kompleks jemaah haji yang kini telah dikomersialkan sebagai hotel). Aset-aset TH yang dipindahkan ini mempunyai nilai pasaran sebanyak RM9.63 bilion sahaja tetapi telah dipindahkan kepada UJSB pada harga RM19.9 bilion melalui terbitan 2 siri sukuk yang akhirnya akan memberikan pulangan sebanyak RM27.56 bilion kepada TH pada penghujung tahun kesepuluh.

3. Selain daripada pulangan yang menguntungkan di atas, TH juga diberikan hak untuk memiliki semula aset-aset tersebut menerusi *Right of First Refusal (ROFR)* yang dipegang oleh mereka. Ini amat penting kerana jika TH mempunyai hasrat untuk mengambil semula aset-aset tertentu berdasarkan strategi pelaburan mereka, TH boleh berbuat demikian melalui ROFR tersebut. Setakat ini, tiada lagi aset UJSB yang dibeli semula oleh TH di bawah ROFR.

Tuan Yang Dipertua,

4. UJSB akan berusaha untuk memastikan aset-aset yang diambil alih daripada TH memberikan pendapatan serta pulangan yang munasabah melalui pengurusan dan proses monetisasi aset yang telus dan menguntungkan.

Sekian, terima kasih.